

Keputusan belum muktamad

BH - 30/1/2019 ml/03 13

(FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH)

➔ Wujud perubahan perkembangan projek perlukan rundingan lanjut

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

► Petaling Jaya

Keputusan mengenai penamatan projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) diterajui China Communications Construction Group Ltd (CCCC) belum muktamad, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri menjelaskan, wujud beberapa perubahan terhadap perkembangan projek dengan jajaran sepanjang 688.3 kilometer (km) itu, sekali gus memerlukan rundingan lanjut membabitkan pihak berkaitan.

“Tiada keputusan dibuat mengenai ECRL. Sebelum ini sudah ada ketetapan, tapi sekarang ada perubahan.

“(Menteri Kewangan, Lim) Guan Eng akan umum bila rundingan yang dikendalikan selesai,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Terdahulu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) mempengerusikan mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi (MPT) selama hampir tiga jam, bertempat di Menara Yayasan Selangor, di sini.

Sabtu lalu, Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, dilaporkan berkata, projek ECRL diterajui CCCC ditamatkan menerusi mesyuarat Jemaah Menteri yang berlangsung pada 24 Januari lalu. Percaturan itu terpaksa diam-



Dr Mahathir pada sidang media selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU di Menara Yayasan Selangor, semalam.

bil kerajaan kerana tidak mampu menanggung kadar faedah menjangkau RM500 juta setahun jika ingin meneruskan projek dengan nilai RM81 bilion berkenaan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, pada penganjuran majlis lain pada hari yang sama bagaimanapun dilapor terkejut dengan kenyataan Mohamed Azmin, malah menegaskan pendirian muktamad kerajaan berhubung status projek terabit akan dikeluarkan dalam tempoh terdekat.

Mengulas kenyataan bercanggah berhubung projek ECRL itu, Dr Mahathir berkata, kedua-dua menteri betul tetapi membuat pengumuman pada masa yang salah.

“Sebenarnya keputusan sudah dibuat. Menteri hadir dalam mesyuarat Kabinet, tetapi media tidak laporkan perkara sebenar dengan menekankan perkara lain.

“Sebenarnya yang patut diberi penekanan ialah hubungan kita dengan China kekal utuh (meskipun Malaysia ada keputusan mengenai status

projek ECRL).

“Media memberi tafsiran berbeza mengenai kenyataan menteri, saya sendiri tanya menteri. Dia kata tak jawab macam itu,” katanya.

Calon mesti bijak, cergas

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata, calon mewakili Pakatan Harapan (PH) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih mesti bijak dan cergas.

Beliau berkata, calon bagi mengharungi ‘pertempuran’ di DUN Selangor itu juga harus mempunyai beberapa kriteria lain.

“Dia kena ada sifat simpati kepada orang, pemberita dan lain-lain,” katanya.

Dr Mahathir berkeyakinan BERSATU mempunyai sokongan kuat dalam kalangan pengundi Melayu di Semenyih, meskipun analisis awal mendapati kerusi DUN berkenaan bakal menyaksikan pertandingan membabitkan lebih daripada dua parti.

Sehubungan itu, beliau tidak menolak kemungkinan wujud

perpecahan undi sehingga mengundang kesan negatif terhadap sesetengah parti yang memasuki gelanggang persaingan.

“Kita yakin, bersandarkan penilaian, kita mempunyai harapan untuk menang,” katanya.

Mengulas perkembangan mesyuarat MPT, Dr Mahathir yang juga Perdana Menteri berkata beberapa laporan, merangkumi penilaian keadaan politik semasa negara dibentangkan untuk penelitian lanjut.

Katanya, persepsi rakyat terhadap pemerintah dan keperluan untuk merangka beberapa tindakan bagi memperbetulkan tanggapan salah dalam kalangan masyarakat turut dibincangkan pada mesyuarat berkenaan.

“Saya tak perlu jelaskan apa dibincangkan. Kita dapati keadaan memang mempunyai masalah, tapi bukan yang tidak dapat diatasi kerana pemerintahan negara berjalan dengan baik walaupun wujud perselisihan pandangan dan tafsiran salah oleh media.

“Selain itu, kita sedang berusaha untuk buat persediaan PRK DUN Semenyih,” katanya.